



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



# PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KALI KE 9

Jabatan Perangkaan Malaysia

Mendepani Ketidakpastian: Merungkai Strategi Pemulihan

4 OKT 2022  
(SECARA MAYA)

&

5 OKT 2022  
(ILSM, SUNGKAI, PERAK)



## Sesi Forum 1:

**Dasar Gaji Minimum di Malaysia:  
Kesannya dan Kesediaan Majikan**

***Dr. Wye Chung Khain***

[wyeck@ukm.edu.my](mailto:wyeck@ukm.edu.my)


Pensyarah Kanan

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia


# Malaysia Minimum Monthly Wages



TRADINGECONOMICS.COM | MINISTRY OF HUMAN RESOURCES MALAYSIA

Source: *Trading Economics*, <https://tradingeconomics.com/malaysia/minimum-wages>


# Minimum Wages



# Minimum Wage Policy and Employer-Employee Survivability Amidst COVID-19-Induced Macroeconomic Uncertainties

Principal Investigator : *Dr. Elya Nabila binti Abdul Bahri* (Universiti Malaya)

Co-Researchers : *Dr. Wye Chung Khain* (Universiti Kebangsaan Malaysia)



Adjustment Measures by **Employees**

When salary is insufficient to support expenses 😞

When salary is increased 😊

Adjustment Measures	Micro-SME	Small	Medium	Large
<b><i>Money Adjustment</i></b>				
1. I will borrow money from my family, relatives, or friends.	2.92	2.98	2.54	2.75
2. I will make a bank's personal loan.	2.09	2.56	2.19	2.43
3. I will make a pawn of valuable goods.	2.89	2.93	2.67	2.85
4. I will withdraw my savings or fixed deposit.	3.57	3.52	3.37	3.58
5. I will reduce my expenses.	4.01	3.93	3.98	4.07
6. I will reduce my monthly savings.	3.81	3.83	3.80	3.91
7. I will work additional job as a part-timer.	3.91	3.87	3.71	3.76
8. I will work overtime.	3.71	3.70	3.36	3.66
9. I will do the online business	3.21	3.41	3.02	3.14
<b><i>Productivity Adjustment</i></b>				
1. Finishing task in even shorter period	3.84	3.82	3.77	3.87
2. Limiting the use of non-work-related social media during working hours	3.81	3.87	3.71	3.91
3. More multitasking at one time	3.81	3.79	3.52	3.75
4. Be more focused on my job	4.15	4.05	3.99	4.07
5. Be more energetic to complete tasks	4.12	4.05	4.02	4.10
6. Be willing to work extra hours	3.85	3.84	3.71	3.88
7. Be willing to shorten my holiday	3.33	3.49	3.23	3.37
8. Be willing to take extra work responsibilities	3.71	3.78	3.65	3.80
9. Be more strategic in daily job planning	4.00	3.94	3.89	4.01
10. Be more committed to my job	4.14	4.03	4.02	4.08
11. Reduce the frequency of applying for annual leave	3.52	3.63	3.33	3.43

Note: The number in the table is the mean of score value. The highest score value is 5.

## Adjustment Measures by **Employers**

If employers must increase the minimum wage 😞

Adjustment Measures	Micro-SME	Small	Medium	Large
---------------------	-----------	-------	--------	-------

### *Cost Adjustment*

3. My company will reduce fringe benefit	3.00	3.06	2.87	2.59
My company will reduce bonus	2.93	3.01	2.89	2.77
3. My company will reduce allowance	2.98	3.07	2.94	2.69
4. My company will reduce the number of hiring	3.30	3.52	3.28	2.87
5. My company will reduce salaries/wage	2.87	2.70	2.53	2.35
6. My company will reduce research & development	2.97	2.95	3.00	2.48
7. My company will reduce the training & development	2.93	2.91	2.85	2.38



### *Production Adjustment*

Workers are instructed to increase their productivity	3.53	3.80	3.83	3.75
Workers are instructed to work overtime or longer hour	3.03	2.77	2.89	2.47
3. My company can operate the business with work-from-home policy	2.75	2.67	2.91	2.60
4. My company will use digitalization in daily business operation	3.33	3.17	3.30	3.25

Expectation on employees if wage increases 😊

Note: The number in the table is the mean of score value. The highest score value is 5.


# Jobs Created by Skill Category, Malaysia, 2018Q1 – 2022Q1



Source: Reproduced from Malaysian Bureau of Labour Statistics, Department of Statistics Malaysia.



# Value Added Per Hour Worked & Value Added Per Employment, Malaysia, 2015Q1 – 2022Q2








Source: Reproduced from Malaysian Bureau of Labour Statistics, Department of Statistics Malaysia.



Minimum Wage: Employees' willingness to accept and employers' willingness to pay

<b>Minimum Wages Order 2020</b>		<i>Minimum wage rate (RM)</i>				
<b>Data Collection Period:</b>	1,100	1,200	1,400	1,600	1,800	2,000
<b>Oct 2021 – March 2022</b>	All sizes of firms					<b>Minimum Wages Order 2022: RM1,500!</b>
WTA (employees)	8.35	14.37	25.28	39.31	49.33	74.05
WTP (employers)	81.10	83.16	40.21	21.99	15.81	15.81
<i>Micro-SMEs</i>						
WTA (employees)	11.48	26.23	45.90	68.85	77.05	91.80
WTP (employers)	75.00	70.00	31.67	13.33	11.67	10.00
<i>Small Firms</i>						
WTA (employees)	6.87	14.09	27.84	44.67	54.30	76.29
WTP (employers)	75.61	81.71	40.24	21.95	14.63	17.07
<i>Medium Firms</i>						
WTA (employees)	13.33	18.10	23.81	31.43	40.00	69.52
WTP (employers)	87.23	89.36	48.94	27.66	21.28	19.15
<i>Large Firms</i>						
WTA (employees)	7.11	9.74	17.11	27.89	39.21	67.89
WTP (employers)	86.27	89.22	41.18	24.51	16.67	16.67

Note: The value is the percentage of respondents saying 'Yes' or agreeing to the level of wage as compared to 'No' or disagreeing. However, the percentage of 'No' is not reported here.



# What if higher wage is set, such as **Living Wage**?

## Living Wage Adjustment Measures by **Employers**

No.	Adjustment Measures	Micro-SME	Small	Medium	Large
<b><i>Cost Adjustment</i></b>					
1.	My company will reduce fringe benefit	3.40	3.28	3.30	2.96
2.	My company will reduce bonus	3.23	3.13	3.21	3.06
3.	My company will reduce allowance	3.22	3.23	3.30	2.95
4.	My company will reduce the number of hiring	3.50	3.62	3.57	3.23
5.	My company will reduce salaries/wage	3.17	3.02	2.83	2.59
6.	My company will reduce research & development	3.05	3.02	3.15	2.73
7.	My company will reduce the training & development	3.13	3.15	3.00	2.59
<b><i>Production Adjustment</i></b>					
1.	Workers are instructed to increase their productivity	3.73	3.79	3.94	3.94
2.	Workers are instructed to work overtime or longer hour	3.30	2.91	3.17	2.73
3.	My company can operate the business with work-from-home policy	2.87	2.66	3.09	2.81
4.	My company will use digitalization in daily business operation	3.43	3.26	3.45	3.31


Note: The number in the table is the mean of score value. The highest score value is 5.

**Skilled job creation with higher wages**

**Unskilled labour less likely replaced by skilled labour**

**Minimum wage rise amidst sluggish economy**

**Minimum Wage of RM1,500**  
*Points to Ponder...*



**Shift of hiring for semiskilled labour with median wage slightly higher than RM1,500?**

**Firms:**

- Cost adjustment
- Investment in K & production automation

**Government:**

- Financial & technical assistance to be rendered

**Exacerbated by the rise in skilled gig workers?**

**Skilled labour's wages & employment to drop?**



Source: *Salaries & Wages Survey Report, Malaysia, 2020*



# Elak gaji minimum jadi alasan sekat peluang pekerja mahir



Oleh Dr Wye Chung Khain  
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**Pembayaran** gaji minimum RM1,500 sebulan mula dikuatkuasakan pada 1 Mei lalu, namun wujud kebimbangan dasar itu akan mempengaruhi perjawatan pekerja berkemahiran rendah dan menyekat peluang kerjaya pekerja mahir.

Secara kebetulan, peningkatan kos pengambilan pekerja ini berlaku apabila ekonomi Malaysia sedang menuju ke arah pemulihan selepas dua tahun terperangkap dalam ancaman COVID-19.

Ini diburukkan pula dengan bencana banjir beberapa bulan lalu serta konflik antara Russia dengan Ukraine dan penutupan beberapa bandar utama di China akibat COVID-19 yang menjejaskan rantaian bekalan global.

Kajian terkini dari Jerman terhadap kesan peningkatan upah minimum antara 1997 hingga 2008 dalam negara berpendapatan tinggi mengesahkan kebimbangan ini.

Memurut kajian itu, kadar kenaikan upah minimum terlalu tinggi ketika negara dibelenggu kegawatan ekonomi mengakibatkan kejatuhan kadar upah dan guna tenaga dalam kalangan pekerja mahir.

Matlamat gaji minimum ditingkatkan untuk mempercepatkan pelaburan firma dalam proses pengeluaran, seterusnya diharapkan merangsang penggantian pekerja kurang mahir dengan pekerja mahir.

Namun, penguncupan ekonomi yang berlaku menghambat peningkatan keluaran negara, sekaligus menjejaskan keupayaan firma dalam penciptaan peluang pekerjaan mahir.

Walaupun pekerja mahir dihindapi rezeki dengan kenaikan gaji minimum ini, manfaat ekonomi diperoleh mungkin kurang memberangsangkan memandangkan peranan pekerja kurang mahir belum pasti dapat digantikan pekerja mahir.

Akibatnya, kenaikan gaji minimum menyebabkan kejatuhan kadar upah dan guna tenaga dalam kalangan pekerja mahir, seterusnya menjejaskan pulangan pelaburan modal manusia mereka serta penawaran kemahiran dalam pasaran buruh.

Namun, dari sudut positif, dasar ini mencipta peluang pekerjaan dalam kategori separuh mahir.

Menurut kajian dari Jerman, kenaikan gaji minimum bukan saja meningkatkan kebijakan kewangan pekerja kurang mahir, malah mencetuskan peralihan strategi pengambilan buruh kepada pekerja separuh mahir yang selama ini dibayar gaji sedikit melebihi gaji minimum.

Perubahan strategi ini dapat dijangkakan sekiranya produktiviti dan pengalaman kerja mereka dibandingkan antara satu sama lain.

Kadar upah dan guna tenaga pekerja separuh mahir dijangka meningkat, manakala hasil pasaran buruh berkurangan bagi pekerja mahir.

Kedua perjawatan pekerja mahir akan bertamabah genting sekiranya darjah kebolehpandah kemahiran khusus mereka antara industri adalah rendah.

Kesan negatif ini belum lagi mengambil kira kesan sampingan peningkatan bilangan pekerja gig berkemahiran tinggi dalam era ekonomi digital.

Justeru, kadar upah dan guna tenaga pekerja mahir dikehadapi akan terus terjejas. Adakah keadaan guna tenaga mengikut tahap kemahiran di Malaysia mengikut jejak langkah Jerman selepas gaji minimum dinaikkan kepada RM1,500 dalam keadaan ekonomi tidak menentu.

Mengikut statistik terkini Jabatan Perangkaan (DOSM), walaupun kekosongan jawatan diilankan dalam talian pada suku ketiga dan keempat tahun lalu kebanyakannya direkodkan untuk kategori profesional dan kategori juruteknik dan profesional bersekutu.

Namun kejatuhan berlaku pada suku keempat dalam kedua-dua kategori pekerjaan mahir ini, dengan kejatuhan terbesar dicatatkan pada kategori profesional, iaitu 14.3 peratus, manakala pengurangan sebanyak 3.4 peratus direkodkan pada kategori yang lain.

“Matlamat gaji minimum ditingkatkan untuk mempercepatkan pelaburan firma dalam proses pengeluaran, seterusnya diharapkan merangsang penggantian pekerja kurang mahir dengan pekerja mahir”



Pelaksanaan gaji minimum diharap dapat peringkat keupayaan negara dalam menarik pelaburan langsung asing berkualiti dan mampu merangsang penciptaan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. (Foto biasan)

Sebaliknya, kekosongan jawatan dalam kategori pekerjaan separuh mahir pula mengalami peningkatan dalam suku keempat tahun lalu.

Contohnya, peningkatan 35.1 peratus dicatatkan dalam kategori Pekerja Perkhidmatan dan Jualan, diikuti dengan 14.2 peratus dalam kategori Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan Yang Berkaitan dan 12.5 peratus dalam kategori Pekerja Sokongan Perkeranian.

Kalau kadar perubahan kekosongan jawatan dibandingkan antara pekerja mahir dengan pekerja separuh mahir, mungkin ada yang bertanya mengenai keberadaan pekerja mahir selepas mengalami pengurangan dalam peluang pekerjaan pada suku keempat tahun lalu.

Mungkinkah mereka mencari rezeki dalam ekonomi gig? Statistik terkini DOSM memaparkan bilangan guna tenaga dalam kategori bekerja sendiri meningkat seramai 18,800 orang kepada 2,674,800 pada Februari tahun ini berbanding bulan sebelumnya. Bilangan ini meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding bulan sama tahun lalu.

Soalnya adakah kenaikan gaji minimum sebanyak 25 peratus tahun ini merangsang peralihan strategi rekrut firma daripada pekerja mahir kepada pekerja separuh mahir, seperti yang berlaku di Jerman sebelum ini.

Laporan Kaji Selidik Gaji dan Upah 2020 dari DOSM menunjukkan kejatuhan gaji penengah terbesar bagi pekerja separuh mahir antara 2019 dan 2020, iaitu 16 peratus, manakala kejatuhan 10 peratus dicatatkan dalam kategori pekerja mahir dan pekerja berkemahiran rendah.

Tambahan lagi, gaji penengah sebanyak RM1,593 bagi pekerja separuh mahir pada 2020 tidak terlalu tinggi berbanding gaji minimum RM1,500 ditetapkan tahun ini.

Sekiranya kadar kenaikan gaji dalam dua tahun kebelakangan ini tidak terlalu besar berikutan keadaan ekonomi sedunia yang lembap akibat ancaman COVID-19, adakah pekerja separuh mahir diutamakan dalam landskap permintaan buruh di Malaysia.

Pada tahun lalu, Malaysia dikejutkan dengan berita julat gaji rendah diterima sebahagian besar graduan universiti sejak satu dekad lalu, iaitu antara RM1,001 dan RM1,500.

Isu diperdebatkan tahun lalu berkenaan keadaan ini bukan berasaskan kepada ancaman COVID-19, tetapi lebih kepada keupayaan negara dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang berkualiti untuk merangsang penciptaan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Peningkatan gaji minimum kepada RM1,500 dijangka mendorong banyak firma membuat pelarasan dari segi pemotongan kos bukan buruh, faedah sampingan, insurans pekerja dan tanggungan mereka, serta pemindahan kos melalui kenaikan harga barang pengguna.

Begaimanapun, terdapat firma melabur dalam modal fizikal dan automasi pengeluaran bagi meningkatkan produktiviti, seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Justeru, aspek inilah yang boleh diusahakan kerajaan dengan lebih giat lagi bagi mengurangkan kesan negatif berikutan kenaikan gaji minimum.



Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan DATUK SAIDON IDRIS  
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital M THILLINADAN  
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Pengeluaran AZHAR A SAMAH  
azharas@bh.com.my

Source: Berita Harian, May 12, 2022,  
<https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2022/05/954477/elak-gaji-minimum-jadi-alasan-sekat-peluang-pekerja-mahir>